

# Panas melampau dijangka akhir Mac

→ Kemuncak suhu bakal landa beberapa bahagian utara Semenanjung

Oleh Siti Nur Mas Erah Amran  
cnews@nstp.com.my

▫ Kuala Lumpur

**K**emuncak suhu maksimum harian antara 35 hingga 38 darjah Celcius dijangka melanda beberapa bahagian utara Semenanjung pada penghujung Mac atau awal April depan.

Pengaruh Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), Dr Mohd Hisham Mohd Anip, berkata cuaca panas yang berlaku ketika ini berpunca daripada penghujung Monsun Timur Laut yang


menyebabkan tempoh kurangnya taburan hujan di seluruh negara, kecuali di barat Sarawak.

**Suhu biasa antara 32 hingga 34 Celcius**

"Lazimnya, kenaikan suhu sehingga 38 darjah Celcius dijangka berlaku di Perlis, Kedah dan Perak berbanding suhu biasa antara 32 hingga 34 darjah Celcius.

"Sekarang baru penghujung Februari, maknanya kita akan berdepan dengan keadaan ini dalam tempoh dua bulan lagi sebelum 'merasai' suhu maksimum antara 35 hingga 38 darjah Celcius di beberapa kawasan.

"Bagaimanapun, keadaan ini dijangka beransur reda bermula hu-



Mohd Hisham Mohd Anip

jung April berikutan bermulanya fasa peralihan monsun yang membawa lebih banyak taburan hujan ke seluruh negara," katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata suhu tinggi kebiasaannya berlaku sekitar jam 2 petang sehingga 4 petang di Pantai Barat Semenanjung, manakala di Sabah adalah sekitar jam 1 tengah hari hingga 3 petang.

"Orang awam dinasihat tidak melakukan pembakaran terbuka dan berhati-hati ketika melakukan aktiviti luar.

Minum air secukupnya dan dapatkan maklumat terkini menerusi laman web, aplikasi myCuaca dan media sosial MetMalaysia," katanya.